



NEGERI MELAKA

**Warta Kerajaan**  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

***GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE***

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 53  
No. 24

**19hb November 2009**

*TAMBAHAN No. 11  
PERUNDANGAN*

---

**M.P.U. 22.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI MELAKA) 2002**

**FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36**

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

## JADUAL

1. Bagi menjaga kehormatan dan kemuliaan ayat-ayat suci al-Qur'an dan kalimah-kalimah suci agama Islam, maka perbuatan menggantung apa jua ayat-ayat suci al-Qur'an atau kalimah-kalimah suci agama Islam di premis-premis bukan Islam atau mana-mana tempat yang boleh mendedahkannya kepada penghinaan, penipuan atau penyalahgunaan adalah dilarang oleh Islam.
2. Penjualan dan penyimpanan kitab atau ayat-ayat suci al-Qur'an dan kalimah-kalimah suci agama Islam di kedai-kedai yang dimiliki oleh orang bukan Islam adalah juga dilarang oleh Islam kerana ia boleh membawa kepada penghinaan ke atas kehormatan dan kesucian kitab suci tersebut.

Bertarikh 6 November 2009  
[JMM/BFB(S)/351/255/06/02; PUNM. 700-02/37]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
*Pengarah/Chairman,  
Majlis Agama Islam Melaka*